

Hak Minoriti Muslim di Myanmar: Analisis Terhadap Isu dan Hak

BITARA

Volume 8, Issue 2, 2025: 241-256
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 4 May 2025
Accepted: 24 May 2025
Published: 30 June 2025

[Muslim Minority Rights in Myanmar: An Analysis of Issues and Legal Entitlements]

Nurul Izzah Said Abdul Majid¹ & Nur Farhana Abdul Rahman^{1*}

1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mail: P151776@siswa.ukm.edu.my, farhana@ukm.edu.my

*Corresponding Author: farhana@ukm.edu.my

Abstrak

Hak asasi manusia merupakan keperluan asas bagi setiap individu dan masyarakat supaya kehidupan setiap individu dihargai dan dihormati. Di Myanmar, minoriti Muslim terutamanya etnik Rohingya menghadapi diskriminasi akibat keengganan kerajaan mengiktiraf etnik Rohingya sebagai warganegara. Isu-isu yang berlaku menyebabkan sebahagian Muslim di Myanmar mengalami penindasan dalam mendapatkan hak yang sempurna walaupun hak-hak tersebut telah termaktub di dalam perlembagaan negara Myanmar. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk melihat diskriminasi hak etnik Rohingya di Myanmar dan usaha yang dibangunkan untuk membantu etnik Rohingya. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Instrumen yang digunakan dalam pengumpulan dan analisis data dengan menggunakan jurnal, artikel, buku, Perlembagaan Myanmar dan laporan-laporan antarabangsa dari United Nations. Hasil perbincangan menunjukkan pelbagai usaha yang dibangunkan oleh kerajaan Myanmar melalui *National Unity Government of Myanmar* (NUG) bagi mengembalikan hak-hak asasi kepada masyarakat minoriti terutamanya etnik Rohingya. Oleh itu, artikel ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat bagi dijadikan rujukan bagi mencari solusi yang lebih efektif dan adil dalam pengaplikasian hak asasi manusia dan kesejahteraan masyarakat di Myanmar.

Key Words: Hak Asasi, Minoriti, Myanmar dan SDG 16.

Abstract

Human rights are fundamental necessities for every individual and society so that the life of each person is valued and respected. In Myanmar, the Muslim minority, particularly the Rohingya ethnic group, faces discrimination due to the government's refusal to recognize the Rohingya as citizens. The ongoing issues have led to oppression against some Muslims in Myanmar in obtaining their full rights, even though these rights are enshrined in the country's constitution. Therefore, this article aims to examine the discrimination against the rights of the Rohingya ethnic group in Myanmar and the efforts developed to assist them. This article employs a qualitative method using a case study design. The instruments used for data collection and analysis include journals, articles, books, the Myanmar Constitution, and international reports from the United Nations. The findings of the discussion reveal various efforts undertaken by the Myanmar government through the *National Unity Government of Myanmar* (NUG) to restore fundamental rights to minority communities, especially the Rohingya. Thus,

this article is expected to benefit all levels of society as a reference for seeking more effective and just solutions in the application of human rights and the well-being of the people in Myanmar.

Key Words: Human Rights, Minorities, Myanmar, and SDG 16



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Nurul Izzah Said Abdul Majid, Nur Farhana Abdul Rahman. (2025). Hak Minoriti Muslim di Myanmar: Analisis Terhadap Isu dan Hak [Muslim Minority Rights in Myanmar: An Analysis of Issues and Legal Entitlements]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(2): 241-256.

Pengenalan

Berdasarkan portal *World Population Review*, antara negara minoriti Muslim adalah seperti Korea Selatan dengan peratusan muslim sebanyak 0.15%, Jepun sebanyak 0.15%, Myanmar sebanyak 4.3% dan Thailand sebanyak 5.2% daripada jumlah penduduk negara tersebut. Seterusnya, negara yang menunjukkan peratusan Muslim yang tinggi adalah seperti Morocco iaitu 99%, Turki sebanyak 98.14%, Pakistan sebanyak 96.46 % dan Indonesia sebanyak 85.82% daripada jumlah penduduk di negara tersebut.

Kedudukan dan hak masyarakat minoriti dalam sesebuah negara adalah salah satu masalah hak asasi manusia. Isu hak asasi manusia adalah isu yang penting sehingga ianya diperjuangkan oleh Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Secara amnya, Hak Asasi Manusia merupakan hak yang menjadi asas kepada kewujudan manusia bagi menjamin maruah dan kehormatan manusia. Menurut Fauzi (2007:48) para ilmuwan dan pemikir mengatakan hak asasi manusia sebagai gugusan hak tabii yang dimiliki oleh manusia yang terikat dengan kewujudannya secara semulajadi dan diakui oleh masyarakat antarabangsa, walaupun ada yang tidak mengiktirafnya atau melanggarnya. Hak asasi manusia mengiktiraf hak individu dan masyarakat dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak persamaan dalam ekonomi, sosial, politik, kebebasan bersuara, kebebasan beragama dan sebagainya. Antara hak-hak tersebut, hak untuk hidup adalah hak terpenting yang perlu dijaga. Kemudian menyusul hak untuk mendapat kebebasan dalam menjalani kehidupan dalam pelbagai jenisnya (al-Zuhayli 2000:14).

Dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia memberikan kebebasan kepada semua manusia dari segi maruah dan hak-hak seseorang (artikel 1). Artikel ini telah menetapkan prinsip kesamarataan sebagai teras yang menjadi asas kepada perbincangan hak asasi manusia. Manakala dalam artikel 2 menegaskan bahawa setiap individu berhak menikmati semua hak dan kebebasan tanpa sebarang diskriminasi, termasuk dasar bangsa, agama atau asal usul etnik. Dalam konteks minoriti Muslim di Myanmar, terutamanya etnik Rohingya, artikel 2 UDHR tidak diguna pakai untuk mereka kerana penafian hak secara terang-terangan seperti hak kewarganegaraan, hak pendidikan dan hak undang-undang yang adil kepada mereka. Oleh

sebab itu, Diskriminasi yang berlaku kepada etnik Rohingya berpunca daripada dasar kerajaan apabila menafikan hak warganegara yang sah bagi etnik ini dan di tambah keadaan sosial negara yang menolak penduduk Rohingya.


Masyarakat Islam di Myanmar hidup berasingan dengan kelompok masing-masing berdasarkan bangsa dan keturunan mereka. Masyarakat Islam ini mempunyai kedudukan yang berbeza dalam masyarakat Myanmar yang lain. Antara kelompok yang terbesar adalah penduduk Islam Burman yang dipanggil Zerbadies, penduduk Islam yang berketurunan India yang dipanggil sebagai Kala, penduduk Islam Rohingya dan penduduk Islam berketurunan Cina yang disebut Pashtu atau Haw. Selain itu, terdapat juga masyarakat melayu yang hidup di bahagian selatan Myanmar yang berdekatan dengan Malaysia. Kumpulan-kumpulan ini hidup secara berasingan namun mengalami masalah yang sama. Kelompok Rohingya adalah kelompok yang paling teruk dianiaya kerana hak kewarganegaraan di tolak, seperti mana yang termaktub di dalam perlembagaan dan *Citizen of Law*.

Umat Islam di Myanmar adalah minoriti dan majoriti penduduknya beragama Buddha. Myanmar telah menjadi salah satu negara *Country of Particular Concern* (CPC) sejak 1999. CPC adalah negara-negara yang bertanggungjawab terhadap pencabulan kebebasan beragama yang teruk di bawah akta kebebasan beragama Antarabangsa (IRFA) 1998. Antara sebab Myanmar menjadi salah satu negara CPC adalah kerana penafian terang-terangan terhadap hak bebas beragama, penyeksaan atau perlakuan hukuman yang kejam, tidak berperikemanusiaan dan merendahkan martabat, penahanan berpanjangan tanpa pertuduhan dan menyebabkan kehilangan orang melalui penculikan atau penahanan secara rahsia orang. Antara negara-negara yang juga tersenarai sebagai CPC adalah Afghanistan, Burma, China, Korea Utara, Syria, dan Vietnam.

Islam di Myanmar

Berdasarkan *World Religious Freedom Report* pada 2022 menunjukkan jumlah penduduk Myanmar adalah 57.5 juta. 88% daripada jumlah penduduk adalah beragama Theravada Buddha, diikuti dengan 6% adalah Kristian, 4% Islam dan 2% adalah lain-lain agama meliputi agama Yahudi, Tradisional Cina, Hindu dan Animisme. Pembahagian etnik di Myanmar menunjukkan majoriti penduduk Myanmar berasal dari etnik Burma yang dibahagikan kepada tiga iaitu Tibeto-Burman (merangkumi etnik Burma & proto-Burma, Chin Kachin dan Lolo), Mon-Khmer (merangkumi etnik Mon, Palaung, dan Yimbau) dan Tai-China (merangkumi etnik Shan, Karen, Hkun dan Lao). Ajaran Theravada Buddha banyak dianuti oleh etnik Bamar, Orang Shan, Rakhine, Mon dan lain-lain. Agama Kristian banyak dianuti oleh etnik Kachin, Chin, Naga dan Karen. Terdapat juga etnik Karen yang beragama Islam dan Buddha. Etnik Cina kebanyakannya mengamalkan ajaran Tradisional Cina, Islam dan Kristian. Manakala bagi etnik Rohingya, etnik Kamane di Rakhine dan etnik Bamar/India, penduduk Yangon, Ayeyarwady, Magway dan Mandalay kebanyakannya menganuti agama Islam.

Menurut al-Basyar (1995:35), agama Islam tiba di Myanmar khususnya wilayah Arakan sejak abad pertama Hijrah melalui pedagang-pedagang Arab yang datang ke Akyab, ibu kota Arakan melalui jalan laut. Menurut pendapat lain, Islam mula tiba di Myanmar pada abad ke-8 dan abad ke-9 Masihi. Kedatangan Islam ke Myanmar mempunyai ikatan dengan penyebaran Islam di India kerana pedagang-pedagang Islam dari India yang mula menyebarkan Islam ke Myanmar (T.W.Arnold 1979:222, Huque 1990:278, Azharuddin 2013: 169). Para pedagang dari India terutamanya Bengal dan Malabar yang menumpukan aktiviti perdagangan di sepanjang persisiran pantai Myanmar telah menyebarkan ajaran Islam kepada penduduk setempat. Di samping itu, terdapat juga penyebaran Islam melalui jalan darat iaitu melalui perdagangan darat yang dijalankan antara Myanmar-China melalui Yunan. Laluan Yunan yang terkenal dengan sumber mineral, batuan dan emas. Bahan-bahan dagangan ini juga akhirnya di bawa ke India melalui Arakan yang menjadi '*transfer point*' sebelum ia dimasukkan Bengal (Azharuddin 2013:170, Mark 2020:295-297, Moshe 1972: 20).



Rajah 1 Garis masa penyebaran Islam di Myanmar

Masyarakat Islam di Myanmar hidup berasingan dengan kelompok masing-masing berdasarkan bangsa dan keturunan mereka. Masyarakat Islam ini mempunyai kedudukan yang berbeza dalam masyarakat Myanmar. Antara kelompok yang terbesar adalah penduduk Islam Burman yang dipanggil Zerbadies, penduduk Islam yang berketurunan India yang dipanggil sebagai Kala, penduduk Islam Rohingya dan penduduk Islam berketurunan Cina yang disebut Pashtu atau Haw. Terdapat juga masyarakat melayu yang hidup dibahagian selatan Myanmar yang berdekatan dengan Malaysia. Di samping itu, terdapat juga komuniti kecil yang berasal daripada Yaman yang mempunyai nama Sayyid dipanggil sebagai Hadhrami.

Masyarakat Islam Arakan menetap di wilayah Arakan atau Rakhine yang berdekatan dengan sempadan Bangladesh. Mereka ini dikenali sebagai golongan Rohingya yang merupakan generasi yang lahir hasil perkahwinan campur antara pedagang Arab dan Parsi dengan wanita tempatan sejak abad ke-7 dan ke-9 Masihi lagi (Moshe 1972: 89). Mereka ini menggunakan bahasa Myanmar-Chittagongian dalam dialek seharian, mengamalkan budaya Buddha-Arakan dan Istilah Rohingya digunakan selepas Perang Dunia Kedua (Izziah 2002:59).

Bagi kelompok Rohingya, mereka adalah orang asli Burma yang hidup ketika pemerintahan Mrauk-U. Ketika zaman penjajahan British sebelum kemerdekaan, mereka memberikan sokongan penuh kepada British. Perbalahan antara kelompok ini dan kelompok majoriti Buddha bermula ketika penaklukan Jepun ke atas Burma. Masyarakat Buddha memberikan kesetiaan penuh kepada Jepun, manakala kelompok ini tetap bersama dengan British. Di sinilah bermula pengusiran kumpulan ini ke Bangladesh. Selain itu, golongan Benggali yang berhijrah ke Arakan. Kelompok ini duduk terpisah antara masyarakat Rohingya dan Buddha di Arakan. Oleh sebab itu, kelompok ini merupakan kelompok Islam yang miskin dan sentiasa ditindas oleh pemerintah Myanmar selepas kemerdekaan. Kini kelompok ini dipanggil Rohingya (Azharudin 2013:181).

Hak Minoriti Muslim di Myanmar

Cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Muslim di Myanmar merangkumi isu kerakyatan, isu pelaksanaan suruhan atau ajaran agama dan isu pendidikan.

1. Hak kewarganegaraan

Dengan penubuhan negara Myanmar yang merupakan gabungan daripada dua negara iaitu Burma dan Arakan. Arakan yang sebelum ini ditadbir oleh kerajaan Islam ketika dinasti Mrauk-U dan ketika pemerintahan Sulaiman Shah, Arakan akhirnya mengalami konflik politik dalaman bersama pemerintah Burma iaitu Raja Bodawpaya yang menjadikan Arakan sebagai wilayah taklukannya. Oleh itu, pada tahun 1784, Arakan yang kebanyakannya dihuni oleh masyarakat Rohingya Islam terpaksa untuk menerima penjajahan Burma ke atas wilayahnya. Situasi ini menjadi lebih parah apabila British menjajah Arakan dan Burma ke atas wilayahnya. Situasi ini menjadi lebih parah apabila British menjajah Arakan dan Burma dalam perang 1822, 1824 sebelum diakhiri dengan Perjanjian Yandabo¹ Burma British 1826. Akhirnya, British menyatukan wilayah Burma dan Arakan tanpa persetujuan penduduk Arakan ketika kemerdekaan Burma pada 1948. Selepas kemerdekaan, Burma diperintah oleh Liga Kebebasan Rakyat Anti Fasisme (Anti-Facist People's Freedom League) dan Perdana Menteri Burma Pertama adalah U Nu.

Ketika pemerintahan U Nu, penduduk Arakan yang meminta dan menuntut kuasa autonomi Arakan daripada kerajaan Burma. Oleh itu, U Nu mengiktiraf kepada masyarakat Arakan iaitu etnik Rohingya dan etnik Rakhine melalui undang-undang kerakyatan 1947. Pada ketika inilah wujudnya persatuan Islam Arakan bagi menuntut hak-hak mereka di wilayah tersebut. Seterusnya, pada tahun 1960, apabila U Nu memenangi pilihan raya kedua, beliau hanya memberikan kawasan khas buat etnik Rohingya iaitu Mayu (kini dipanggil Rathedaung, Buthidaung dan Maungdaw) (Azharuddin et al 2018). Keadaan menjadi lebih parah apabila Burma dikejutkan dengan rampasan kuasa oleh Tentera pada tahun 1962. Pada ketika ini, keadaan etnik Rohingya semakin sulit apabila Perdana Menteri ketika itu, Ne Win

melaksanakan birokrasi undang-undang yang menunjukkan sikap berat sebelah terhadap etnik Rohingya. Jeneral Ne Win telah menjadikan Mayu sebagai tempat pengasingan daripada wilayah-wilayah Burma. Dengan kata mudah, Jeneral Ne Win melarang sebarang bantuan sama ada pendidikan, perkhidmatan umum dan rakyat Burma untuk masuk ke kawasan Mayu. Selain itu, dengan wujudnya undang-undang *Citizen of Law*² pada tahun 1982 secara tidak langsung menjadikan etnik Rohingya tidak termasuk daripada sebahagian penduduk Burma dan etnik Rohingya tidak diiktiraf dengan alasan yang diberikan oleh kerajaan Tentera adalah etnik Rohingya tidak pernah wujud dalam sejarah Burma. Kehadiran etnik Rohingya adalah selepas penjajahan British ke atas Burma yang dibawa masuk daripada Chittagong, Bangladesh. Hakikatnya, masyarakat Rohingya merupakan penduduk asal yang mendominasi populasi negeri Arakan sebelum penjajahan Burma dan British ke atas wilayah tersebut.

Semasa zaman kegemilangan Islam, etnik Rohingya merupakan orang penting dalam pentadbiran negeri, bahkan memainkan peranan juga dalam hal ehwal ekonomi dan sosial masyarakat Islam Arakan. Mereka menjadi minoriti apabila berlakunya banyak keluar masuk penduduk Arakan ini dari Akyab ke Chittagong, kesan daripada penjajahan dan peperangan British-Burma. Apabila mereka pulang semula ke tanah air mereka iaitu Arakan selepas keadaan kembali reda dari peperangan, kebanyakan harta benda mereka dan rumah-rumah telah dimiliki oleh orang Arakan Buddha. Orang Arakan Buddha ini juga dikenali sebagai puak Magh dan merupakan puak minoriti di selatan Arakan. Asalnya mereka adalah etnik yang sama tetapi agama yang memisahkan kedua-dua etnik ini. Kini puak Magh menggelarkan diri mereka sebagai etnik Rakhine.

Pengusiran golongan etnik Rohingya sedikit sebanyak berjaya dilakukan oleh junta tentera apabila setiap operasi kejam yang dilakukan terhadap etnik tersebut seperti Naga Min tahun 1978, Phi Thaya tahun 1991 dan Na-Sa-Ka tahun 1992 sehingga kini telah menyebabkan golongan ini meninggalkan halaman rumah dan mencari tempat yang lebih selamat. Justeru, kerajaan junta mengambil kesempatan tersebut dengan memenuhi wilayah ini dengan penduduk Rakhine dan Burma yang beragama Buddha. Jumlah etnik Rohingya semakin lama semakin berkurangan dan akhirnya menjadi golongan minoriti di negeri sendiri.

Pilihanraya umum tahun 1990 menyaksikan pemerintah junta tentera iaitu Parti State Law and Order Restoration Council (SLORC) merobek dasar demokrasi negara tersebut apabila suara majoriti yang dimenangi parti Liga Arakan bagi Demokrasi (ALD), Parti Demokratik Kebangsaan Hak Asasi Manusia (NDPHR) dari parti etnik Rohingya dan Parti Demokratik Kebangsaan Hak Asasi Manusia (NDPHR) dari parti etnik Rohingya dan Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) tidak diakui oleh pihak pemerintah. Pentadbiran Burma kekal kepada parti State Law and Order Restoration Council (SLORC), pimpinan Saw Maung sehinggalah parti Majlis Pembangunan dan Keamanan Negara (SPDC) yang kini dipegang oleh Thein Sein. Thein Sein menang melalui Pilihanraya Umum 2010 yang pertama kalinya dipilih oleh suara majoriti rakyat Myanmar tanpa sebarang bentuk diskriminasi yang dilakukan sepertimana pemerintahan junta terdahulunya (Azharudin 2013:191-193, Mark 2020: 307, Nurul & Napisah 2012:4).

Namun, isu status etnik Rohingya masih kekal sebegitu tanpa ada tindakan segera dan efisien yang dilakukan pihak kerajaan. Bertitik tolak daripada konflik status kerakyatan etnik Rohingya ini, kerajaan menjadikan ia sebagai medium penghapusan etnik ke atas etnik Rohingya dengan mengenakan pelbagai operasi dan tindakan tanpa sebab-sebab yang kukuh. Hukuman yang dikenakan pula agak berlebih-lebihan dan tidak berpatutan dengan tindakan yang dilakukan oleh penduduk etnik Rohingya (Engy 2013:400).

Masalah pengklasifikasian etnik bermula setelah kemerdekaan negara Myanmar lebih-lebih lagi apabila Undang-undang kewarganegaraan Myanmar dibina. Rakyat Myanmar khususnya penganut Buddha yang sememangnya tidak menerima etnik Rohingya sentiasa menyokong dan bekerjasama dalam setiap yang dilakukan kerajaan. Pelbagai operasi-operasi dijalankan bagi menghapuskan etnik Rohingya sehingga menyebabkan etnik Rohingya melarikan diri di negara-negara sekitar seperti Bangladesh dan Malaysia. Penghapusan etnik Rohingya di lakukan melalui beberapa siri operasi semenjak kemerdekaan. Berikut adalah ringkasan operasi-operasi utama pasukan ketenteraan Myanmar keatas etnik Rohingya sejak tahun 1984:

Bil	Nama Operasi	Tahun
1	Military Operation	1948
2	Burma Territorial Force (BTF)	1949-1950
3	Military Operation	1951-1952
4	Mayu Operation	1952-1953
5	Mone-thone Operation	1954
6	Combined Operation	1955
7	Union Military Police	1955-1958
8	Captain Htin Kyaw Operation	1959
9	Shwe Kyi Operation	1966
10	Kyi Gan Operation	1966
11	Ngazinka Operation	1966
12	Myat Mon Operation	1969-1971
13	Major Aung Than Operation	1973
14	Sabe Operation	1974-1978
15	Naga Min (King Dragon) Operation	1978-1979
16	Shwe Hintta Operation	1978-1980
17	Galone Operation	1979
18	Pyi Thaya Operation	1991-1992
19	Na-Sa-Ka Operation	1992-sehingga sekarang
20	Census	2014
21	Clearance Operation	2016-sehingga sekarang

Sumber: Azharudin (2013)

Daripada jumlah operasi yang dibuat ke atas etnik Rohingya, dua daripadanya adalah operasi mengakibatkan pembanjiran pelarian ke negara Bangladesh sehingga menimbulkan rasa kurang selesa antara dua negara berjiran ini. (Azharudin 2013:189) iaitu operasi Naga Min dan Operasi Phi Thaya. Operasi Pyi Thaya bertujuan untuk menyingkirkan kaum Rohingya secara keseluruhan selepas operasi Naga Min. Dalam operasi ini, tentera akan meminta kad pengenalan dan dokumen, bagi yang tidak mempunyai sebarang dokumen dan kad pengenalan akan ditahan, diseksa dan menerima penderaan. Namun, hampir kesemua etnik Rohingya tidak mempunyai dokumen kerana kerajaan tidak mengiktiraf mereka. Operasi ini juga memeriksa kemasukan haram ke Myanmar oleh mana-mana penduduk Bangladesh yang didakwa kerajaan terdapat penduduk Bangladesh yang menduduki Arakan. Misi penghapusan tidak menemui jalan sukar atau berdepan kerumitan apabila lawannya tidak kira Rohingya atau pemberontak atau pendatang asing Bangladesh, tentera mempunyai senjata yang lebih moden tidak setanding dengan mereka yang tidak mempunyai kelengkapan yang mencukupi. Mudah kata, kekuatan tentera Myanmar jauh lebih kuat untuk mengekang dan menyelesaikan masalah etnik di Myanmar.

Berdasarkan Laporan kebebasan Beragama Antarabangsa, sehingga Julai 2022, jumlah pelarian yang diterima oleh Bangladesh menerima hampir 919,000 pelarian Rohingya, 92,000 pelarian di Thailand dan 21,000 di India. Di samping itu terdapat beberapa kumpulan kecil pelarian ke negara Nepal, Malaysia dan Indonesia. Manakala pada Januari sehingga Ogos 2023, pelarian yang keluar dari Rakhine menuju Bangladesh adalah sebanyak 5,100 dengan mengikuti jalan darat dan 5,600 mengikuti jalan laut dengan menaiki 62 bot. Sejak 2023, hampir 350 pelarian yang hilang apabila melarikan diri mengikuti jalan laut.

2. Hak mengamalkan ajaran agama

Didalam perlembagaan Myanmar 2008 menyebut, *“the right to freely profess and practice religion subject to public order, morality, or health and to the other provisions of this Constitution”* yang membawa maksud “hak menganut dan mengamalkan agama secara bebas tertakluk kepada ketenteraman awam, moral atau kesihatan dan peruntukan lain dalam perlembagaan”. Melihat apa yang disebut di dalam perlembagaan menunjukkan kerajaan membenarkan seseorang mengamalkan amalan agama selagi tidak memberi kesan buruk kepada orang sekeliling. Dalam perlembagaan Myanmar juga mengiktiraf kedudukan empat agama iaitu, Theravada Buddha, Kristian, Islam dan Hindu.

Jika dilihat hal-hal berkaitan menunaikan amalan keagamaan, ia dapat dilihat melalui beberapa situasi iaitu melalui penutupan masjid secara paksaan dan madrasah, halangan dalam upacara keagamaan lebih-lebih lagi perhimpunan yang melebihi 5 orang dan larangan pembinaan masjid serta membaik pulih masjid yang rosak. Etnik Rohingya pula mengalami beberapa bentuk penganiayaan yang lebih teruk melalui penangkapan tanpa sebab, pendidikan tidak dibenarkan, dipaksa menjadi buruh paksa, kesukaran keizinan perkahwinan dan masalah kanak-kanak. Sejak 2006, semua masjid di Rakhine diarahkan untuk ditutup. Oleh itu semua

etnik Rohingya terpaksa membuat masjid atau tempat solat sementara di kem-kem pelarian yang terletak di Maungdaw selatan dan Rathhedaung.

Masyarakat Rohingya juga tidak dibenarkan untuk meraikan sebarang perayaan. Menurut laporan Jabatan Kebebasan Beragama Amerika Syarikat, penduduk Rohingya juga dipaksa untuk merayakan perayaan agama bukan Islam dan memeluk agama lain secara paksaan. Selain itu, penduduk Rohingya sukar untuk mengumpulkan Jemaah untuk menunaikan solat Jumaat pada setiap minggu kerana perjumpaan agama adalah dilarang dan kebanyakan imam dan guru agama di berkas kerana menjalankan kelas agama.

Semasa perayaan Aidil Adha, masyarakat Islam perlu mendapatkan kebenaran untuk melaksanakan aktiviti korban kerana ia bertentangan dengan ajaran Theravada Buddha yang tidak membenarkan untuk menyakiti haiwan. Malahan penganut Islam yang dibenarkan untuk membuat korban, perlu menyerahkan daging tersebut kepada NaSaKa³ walaupun agama Islam menuntut untuk mengagihkan kepada golongan miskin, anak yatim dan sebagainya.

3. Hak Pendidikan

Dalam perlembagaan Myanmar, etnik Rohingya bukan daripada salah satu etnik Myanmar. Oleh itu, mereka tidak dibenarkan untuk mendapat apa-apa bentuk pendidikan dan bantuan pendidikan. Pendidikan agama adalah tidak dibenarkan di sekolah awam walaupun, sesetengah sekolah akan memulakan sesi persekolahan dengan bacaan doa Buddha, namun pendidikan agama adalah dilarang di sekolah. Oleh itu, bagi masyarakat Islam dan Kristian, pendidikan agama hanya dibenarkan di sekolah swasta dengan menggunakan bahasa penghantar dalam bahasa Myanmar.

Pendidikan Islam hanya dibenarkan dijalankan di masjid-masjid. Kelas-kelas ini dipanggil Madrasah. Madrasah di Myanmar dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu peringkat rendah, menengah dan tinggi. Di samping itu, terdapat juga 18 buah Dar al-Ulum yang berfungsi sebagai tempat melatih imam. Namun begitu, disebabkan kekurangan dana dan wang, menyebabkan banyak pusat pendidikan di tutup, di samping masalah kekurangan guru yang berkebolehan untuk mengajar dan kekurangan bahan bacaan Islam. Pendidikan Agama Islam menjadi lebih teruk apabila campur tangan pihak berkuasa iaitu apabila pemerintah Myanmar tidak membenarkan pelajar-pelajar Islam melanjutkan pelajaran ke luar negara dan hanya segelintir sahaja yang melepasi halangan tersebut (Nina & Afiradina 2022).

Melalui *Citizen of Law 1982* atau undang-undang kerakyatan Burma 1982 menafikan hak kaum Islam Rohingya untuk menimba ilmu. Pihak kerajaan junta tentera hanya membenarkan pelajaran sekolah menengah kepada rakyat Myanmar, manakala Rohingya tidak dibenarkan untuk melanjutkan pelajaran, walaupun terdapat sesetengah anak-anak Rohingya yang lulus ujian kemasukan ke pengajian tinggi. Mereka juga tidak dibenarkan keluar daripada Rakhine yang menyebabkan mereka tidak dapat menyambung pengajian tinggi yang kebanyakannya di Yangon. Orang-orang Rohingya juga tidak dilarang untuk ke Sittiwe (salah satu wilayah di Rakhine) dan ibu negeri Rakhine untuk menyambung pengajian di universiti

Sittwe. Kesannya, orang-orang Rohingya tidak dapat melanjutkan pengajian. Orang-orang Rohingya juga tidak dibenarkan untuk membawa masuk sebarang bahan abacaan ilmiah Islam bagi mengelakkan orang Rohingya daripada mendalami ilmu agama Islam (Azharudin 2013: 192-193).

Usaha Membantu Muslim Minoriti di Myanmar

Masalah pelarian etnik Rohingya terjadi di beberapa negara seperti Bangladesh, India, Thailand dan Malaysia. Oleh itu, terdapat beberapa usaha yang dibangunkan oleh pertubuhan antarabangsa seperti UNCHR di bawah PBB, OIC dan ASEAN bagi menyelesaikan isu pelarian etnik Rohingya.

1. Usaha Kerajaan Myanmar

Keadaan Muslim di Myanmar, etnik Rohingya menjadi etnik yang paling teruk terkena ancaman daripada Kerajaan Myanmar sehingga kini. Penindasan Hak Asasi Manusia yang berlaku kepada etnik Rohingya adalah bukan sahaja berlaku secara fizikal, namun perlembagaan negara Myanmar yang tidak mengakui kewarganegaraan etnik Rohingya sebagai salah satu daripada 135 etnik di Myanmar yang diakui secara rasmi dalam *Citizen of Law*. Walaupun begitu, *National Unity Government of Myanmar* (NUG) telah berusaha bagi membantu etnik Rohingya dari segi pendidikan dan kebebasan beragama.

2. Perjanjian Damai

Pada bulan Mac 2021, NUG bersama kedutaan Amerika Syarikat membincangkan mengenai isu kedudukan etnik Rohingya di Rakhine. Melalui perbincangan ini, NUG komited dan bertanggungjawab terhadap pemulangan etnik Rohingya dengan selamat bagi pelarian Rohingya. Selain itu, NUG juga berusaha dalam membuat pembaharuan di dalam perundangan dalam menyokong kewarganegaraan, keadilan dan kesaksamaan hak bagi etnik Rohingya.

3. Pemberian Hak Pendidikan

Selain itu pada 9 September 2021 Kementerian Pendidikan bersama-sama NUG dan Pertubuhan Pemimpin Pendidikan Rohingya berbincang dan bersetuju merancang akses pendidikan bagi pelajar Rohingya. Hasil daripada perbincangan yang dibuat, pada Mei 2022 etnik Rohingya dan Kaman dibenarkan bagi menghadiri sekolah di Thet Kae Pyin, di wilayah Sittwe.

4. Pengesahan Kewarganegaraan

Seterusnya, pada Mei 2022, kerajaan Junta membenarkan etnik Rohingya menyertai proses pengesahan kewarganegaraan dan membuat permohonan Kad Pengesahan Kebangsaan (NVC). Ini adalah usaha bersepadu oleh kerajaan Junta bagi mengetahui pendaftaran isi rumah dan mengelakkan penipuan pengundi seperti mana yang berlaku pada pilihanraya 2020. Melalui projek ini setakat 31 Mei, kerajaan Junta telah mengeluarkan tiga juta NVC. Laporan yang sama tidak menyebut pihak berkuasa mengeluarkan kad kewarganegaraan kepada etnik Rohingya.

Berdasarkan Laporan Kebebasan Beragama 2022 yang dikeluarkan oleh PBB, usaha yang bagi mengiktiraf etnik Rohingya dilakukan oleh NUG melalui usaha pakar akademik dalam menyebarkan kepentingan pluralisma agama, toleransi beragama dan bantuan-bantuan kepada masyarakat minoriti lebih-lebih lagi minoriti Muslim.

5. Usaha Antarabangsa

Masalah pelarian etnik Rohingya terjadi di beberapa negara seperti Bangladesh, India, Thailand, Malaysia dan Indonesia sehingga menimbulkan kerisauan terhadap negara-negara tersebut. Oleh itu terdapat beberapa usaha yang dibangunkan oleh pertubuhan Antarabangsa seperti UNCHR di bawah PBB, OIC, ASEAN dan sebagainya bagi menyelesaikan isu dan kemelut ini.

Bagi membincangkan isu pelarian Rohingya, UNCHR memberikan status '*stateless*' yang ditempatkan di kem-kem pelarian. Pihak UNCHR akan sentiasa berusaha menghantar pulang pelarian Rohingya ke Myanmar. Menurut Nurul dan Napisah (2012:8) walaupun proses penghantaran pulang dilaksanakan oleh UNHCR, namun tidak semua penduduk Islam Myanmar dapat kembali ke tanah air mereka. Mereka yang kembali ke tanah air terus sengsara ditindas dan diperlakukan sewenang-wenangnya oleh pemerintah Myanmar. Penghantaran pulang pelarian Islam bukanlah penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh mereka kerana ia hanya bersifat sementara. Walaupun nasib etnik Rohingya mendapat simpati dan bantuan daripada badan antarabangsa dan Asia, malah kerajaan Myanmar mendapat kutukan masyarakat antarabangsa atas tindakan tidak berperikemanusiaan dan pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan, tetapi kedudukan dan hak minoriti muslim etnik Rohingya sebagai warganegara tetap tidak berjaya diperbaiki. Syarat etnik Rohingya untuk diiktiraf sebagai warganegara oleh kerajaan Myanmar ialah mereka harus mengakui bahawa etnik mereka dari asal usul etnik benggali meskipun hakikatnya masing-masing mengetahui masyarakat Rohingya merupakan penduduk asal wilayah Arakan (kini Rakhine) sebelum percantuman Burma dengan Arakan, kesan penjajahan dan kemerdekaan yang diberi oleh British. Atas faktor sejarah melalui gaya pembawakan British terhadap negara-negara jajahan dan faktor agama, etnik Rohingya dilihat masih tiada harapan untuk pulang ke negara asalnya dalam jangkaan tempoh 10 tahun akan datang. Walaupun, negara Myanmar kini dipimpin oleh Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD).

Salah satu usaha yang dibangun untuk membendung masalah ini, pihak United Nations menyenaraikan Myanmar sebagai sebuah negara CPC (Country Particular Concern)⁴ di bawah Akta Kebebasan Beragama Antarabangsa. Antara negara yang tersenarai dalam CPC adalah China, Cuba, Korea Utara dan Syria. Sekatan Amerika Syarikat bertujuan untuk memudahkan penguatkuasaan undang-undang hak asasi manusia tetapi tidak berjaya kerana masih terdapat negara-negara lain yang sanggup mengabaikan hak asasi manusia demi kepentingan politik dan ekonomi seperti China dan India. Oleh itu pihak Amerika Syarikat telah mengubah dasar-dasar di dalam CPC dan menghantar beberapa wakil hak asasi manusia untuk membantu menyelesaikan dan menyebarkan kepentingan toleransi dan pluralisma agama. Apabila sesebuah negara tersenarai dalam CPC, Amerika Syarikat akan menafikan lesen dan kelulusan eksport dan import barangan pertahanan dan perkhidmatan.

Kehadiran pelarian etnik Rohingya ke negara-negara jiran, mendapat sambutan baik dan juga hambar di negara-negara tertentu. Negara Malaysia banyak membantu menghulurkan bantuan dalam pelbagai aspek terhadap pelarian-pelarian Rohingya yang datang ke Malaysia atas dasar kemanusiaan dan agama. Organisasi bukan kerajaan seperti MAPIM, Muslim Care dan FGN merupakan antara NGO sukarelawan yang beroperasi membantu krisis pelarian etnik muslim Rohingya. Umpamanya seperti organisasi FGN, menawarkan perkhidmatan pendidikan melalui Rohingya Academic Center dan ABIM telah menubuhkan Majlis Ulama Rohingya (MUR). Begitu juga institusi atau organisasi agama lain seperti Buddha dan Kristiandi Malaysia juga turut memberikan penawaran kepada golongan ini melalui cara mereka tersendiri. Usaha di peringkat global pula, negara Amerika Syarikat menawarkan pengiktirafan kerakyatan kepada mana-mana golongan etnik Rohingya yang memohon untuk menetap di sana melalui United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, artikel ini memperlihatkan bahawa minoriti Muslim di Myanmar berdepan dengan cabaran yang kompleks dan berterusan dalam memperoleh hak asasi mereka, meskipun hak-hak tersebut telah termaktub dalam perlembagaan masing-masing. Di Myanmar, etnik Rohingya terus menjadi mangsa dasar pengecualian yang bersifat sistematik, melalui penafian kerakyatan, diskriminasi agama, dan sekatan pendidikan yang melampau. Hal ini sememangnya melanggar prinsip hak asasi manusia seperti mana yang termaktub dalam artikel 15 Universal Declaration Human Rights bahawa “setiap orang adalah berhak kepada kewarganegaraan. Tiada seorang pun yang boleh dilucutkan kewarganegaraanya dengan sewenang-wenangnya atau dinafikan hak menukar kewarganegaraan”.

Walaupun terdapat inisiatif dan dasar yang dilaksanakan oleh kedua-dua kerajaan serta sokongan daripada pertubuhan antarabangsa, usaha-usaha tersebut masih belum mencukupi untuk menjamin keadilan, pengiktirafan dan pemulihan hak kepada masyarakat Muslim minoriti secara menyeluruh. Justeru, artikel ini menggesa agar pendekatan yang lebih menyeluruh, inklusif, dan berteraskan prinsip hak asasi manusia perlu digerakkan oleh

kerajaan, masyarakat sivil, serta badan antarabangsa dalam memastikan hak dan maruah golongan minoriti Muslim di Myanmar sentiasa dilindungi dan dipelihara.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada geran penyelidikan PP 2023-015 Amalan Pengurusan Isu-Isu Keharmonian Agensi Beragama Menurut Agensi Islam dan Brunei.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

Rujukan

- A Rahman. 1992. *Orang Bukan Islam dibawah Undang-Undang Syariah* Kuala Lumpur DBP.
- Abu Haif. 2016. Islam di Burma. *Jurnal Adabiyah*. 16(2): 149-158
- Abu Talib Ahmad. 2008. Rohingya dan Konflik Etnik di Arakan (Rakhine). Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali & Zulkarnain Abdul Rahman [pnyt.]. *Konflik Dunia Abad ke-20*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ahmad Rasyad. 1998. *Hurriyyah al-Insan fi Zill 'Ubuddiyyah Li-Allah*. Dar al-Fikr al-Mu'asir, Beirut.
- Arnold T.W. 1979. *Sejarah Da'wah Islam*, Jakarta
- Aye Chan. 2005. The Development of a Muslim Anclave in Arakan (Rakhine) State of Burma (Myanmar). *SOAS Bulletin of Burma Research* 3(2):396-420
- Azharudin Md Dali. 2013. Prejudis Keagamaan: Kesengsaraan Masyarakat Rohingya di Myanmar. *Jurnal Sejarah* 2(8):165-199
- Azlinariah Abdullah, Azharudin Mohamed Dali, Mohamad Rodzi Abd Razak. 2018. Surviving Stateless Refugees: The Uncertain Future of Rohingya's Children in Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 45(1): 177-195
- Al-Basyar, Din Muhammad Abu. 1995. Umat Islam Burma hadapi penindasan dan penghapusan. Terj. Muhamad Yamin Ismail. *Dakwah*. 12:35-45
- Candra Muzaffar. 2006. *From Fiqh to qur'an: Resolving apostasy*. Just International.
- Candra Muzaffar. 1995. *Hak Asasi Manusia Dalam Tata Dunia Baru*. Bandung, Pustaka Mizan
- Constitution of the Republic of the Union of Mtanmar 2008
- Crouch Melissa. 2016. Introduction: Islam and the State in Myanmar. Dlm. *Islam and the State in Myanmar: Muslim-Buddhist Relations and the Politics of Beloging*. Oxford University Press 1-8
- Crossman, Linda. 2014. Myanmar's Refugees The Search For Human Security. Master Dissertation. Georgetown University.

- Donnelly, J. 2003. *Universal Human Rights in Theory and Practice*. Cornell University Press, London.
- Engy Abdelkader. 2013. The Rohingya Muslim in Myanmar: Past, Present and Future. *Oregon Review of International Law* 15:393-412
- Fatima Noor, Ansari. 2016. Minority Education: A Study of Indian Muslims. *Socrates*. 4(1): 52-60
- Frontier. 2021. The NUG's Rohingya Policy 'Campaign Statement' or Genuine Reform? Frontier Myanmar
- Huque, Ahmad Shifiquil. 1990. Stranded Pakistanis and Burmese Muslim in Bangladesh: Historical and Contemporary Dimensions. *Journal Institute of Muslim Minority Affairs*. 11: 273-293
- Keck, Stephen L. 2012. The Making of an Invisible Minority; Muslim in Colonial Burma. Dlm. *Living on The Margins: Minorities and Borderlines in Cambodia and Southeast Asia*: 221-234
- Mark Woodward. 2020. Islam, Ethnicity, Nationalism and Burmese Rohingya Crisis. *Episteme* 15(2): 287-314
- Mohd Fauzi. 2007. Hak Asasi Manusia Menurut Syarak. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 20(4): 45-66
- Monosin Sobri. 2013. Rohingya di Myanmar: Menatap Wajah di Cermin Retak. *Dakwah* 17:84-89
- Muh Rizaldi. 2022. Analisis komparatif konsep spiritual dalam ajaran agama Islam, Hindu, Buddha. El-Furqania *Jurnal Usuluddin dan Ilmu-Ilmu Keislaman*. 8(2):103-123
- Muhammad Naeem. 1993. *Islam and Freedom of Religion in Islam*. Undang-Undang Islam dan Perbandingan. UKM
- Nathaniel James Gonzalez. 2020. Living with Violence: The Cause and Consequence of Recurrent Buddhist-Muslim Violence in Myanmar. Tesis Dr. Fal, The University of Chicago
- Nurul Qolbi Mohd Ngalim, Napisah Karimah Ismail. 2012. *Minority Muslim Rohingya: Kajian Terhadap Sejarah, Konflik dan Usaha Penyelesaian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nina Muslim & Nur Afiradina Arshad. 2022. Masa Depan Suram Tunggu Anak-Anak Rohingya Jika Terus Dinafikan Pendidikan. *Burnama*. 21 November 2023
- Noraini Zulkifli. 2018. *Hak Istimewa Orang Melayu Dalam Perlembagaan Malaysia*. Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejahtera 1948.
- Portal Kementerian Hal Ehwal Minoriti <https://www.minorityaffairs.gov.in/>
- Regional Islamic Dawkah Council of Southeast Asia and Pasific. 1996. Myanmar. *Muslim al-Manac*:13-136
- Taylor, R.H. 1995. Myanmar. *The Oxford Encyclopedia of The Modern Islamic World*: 214-215
- Thang, Ram Hlei. 2019. Secularisme and Religious Nationalism: A Historical Study of Ethnic

- Conflict in Myanmar. *The Indonesian Journal of Southeast Asian Studies*. 3(1): 25-43
- Temple, R.C. 1971. *Encyclopedia of Religion and Ethnic*. James Hasting [pnyt.]. Jil 17-37. Edinburgh: T & T Clark
- UNCHR Regional Bureau For Asia And Pasific (RBAP). 2023. *Desperate Journeys: Rohingya Refugees in Search of Protection*. Rohingya Refugees Fleeing Over Land and Sea-Quartely Update.
- UNCHR. 2004. *Guidelines on International Protection: Religion-Based Refugee Claims Under Article 1A(2) of the 1951 Convention and the Protocol 1967 Protocol Relating to the Status of Refugees*.
- UNCHR. 2022. *International Religious Freedom Report*.
- Verkuyten, M. (2019) The Role of Majority and Minority Group Memberships in Social Identity Complexity and Outgroup Attitudes. *Journal of Social Issues* 75(1): 110-127
- Wan Kamal Mujani.2002. Minoriti Muslim: Cabaran dan Harapan Menjelang Abad ke-21. Dlm. Izziah Suryani Arsyad [pnyt.]. Sejarah dan kedudukan minoriti Muslim di Myanmar, hlmn 55-73. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Welzel C. and Inglehart, R. 2001. *Human Development and the "Explosion" of Democracy: Variation of Regime Change Across 60 Societies*. Berlin.
- Win, Ye Myint. 2017. A Case Study of Violence and Recovery in Meikhtilar, Myanmar. Disertasi Master. Mahdol University.
- Yegar Moshe. 1972. *The Muslim of Burma: A Study of Minority Group*. Wiesbaden
- Al-Zuhayli, Wahbah. 2000. *Haqq al-hurriyah fi al-'Alam*. Beirut

Nota Hujung

¹ Perjanjian Yandabo 1826 merupakan perjanjian yang ditandatangani antara Myanmar dan British ekoran kekalahannya dalam Perang British-Myanmar. Antara syarat-syarat perjanjian ini adalah (Azharudin Dali. 2013. Prejudia Keagamaan: Kesengsaraan Masyarakat Rohingya di Myanmar. *Jurnal sejarah*. 165-199):

- i. Assam, Manipur, Tennaserim dan Arakan diserahkan kepada British.
- ii. Myanmar akan membayar wang ganti rugi perang sebanyak 10 juta rupee
- iii. Myanmar akan menerima seorang Residen British yang akan ditempatkan di Rangoon
- iv. Myanmar juga akan menghantar seorang wakilnya yang akan ditempatkan di Calcutta, India.

² Didalam Citizen of Law mengakui tiga kategori warganegara iaitu warganegara, warganegara asosiasi dan warganegara naturalisasi sepertimana yang peruntukkan dalam undang-undang kewarganegaraan 1982. Sistem kewarganegaraan berdasarkan undang-undang 1982 adalah

- i. Warganegara penuh merupakan keturunan warga yang tinggal di Burma sebelum tahun 1823 atau lahir dari orang tua yang sudah menjadi warga saat lahir.
- ii. Warganegara asosiasi adalah mereka yang memperoleh kewarganegaraan daripada undang-undang Kewarganegaraan Persatuan 1948
- iii. Warganegara Naturalisasi adalah mereka yang tinggal di Burma sebelum 4 Januari 1948 dan meminta kewarganegaraan setelah 1982.

Dalam undang-undang ini, orang asing tidak dapat menjadi warganegara naturalisasi di Myanmar kecuali jika mereka dapat membuktikan hubungan keluarga yang erat dengan kerajaan Myanmar. Undang-undang ini juga tidak mengakui kelompok Rohingya sebagai salah satu daripada 135 etnik Myanmar yang diakui secara rasmi.

³ Sebagai usaha mengekang kebebasan Etnik Rohingya, kerajaan telah menubuhkan NaSaKa. NaSaKa adalah agensi kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1992 yang terdiri daripada 1200 orang imigresen, polis, perisik dan kastam. Badan ini beroperasi di kawasan yang diduduki oleh penduduk Islam yang bersempadan dengan Bangladesh. Agensi ini ditubuhkan pada awalnya untuk keselamatan sempadan namun, sebaliknya penubuhan itu, terdapat banyak polis diskriminasi terhadap Rohingya seperti polisi had bergerak dalam negeri dan luar negara, perkahwinan dan polisi satu keluarga dua anak.

CPC (Country Particular Concern) adalah sebuah negara yang bertanggungjawab terhadap pencabulan kebebasan beragama yang teruk di bawah akta kebebasan beragama antarabangsa (IRFA) 1998. Sesebuah negara tersenarai dalam CPC apabila:

- i. Penafian terang-terangan terhadap hak untuk hidup, kebebasan atau keselamatan orang
- ii. Penyeksaan, perlakuan atau hukuman yang kejam, tidak berperikemanusiaan dan merendahkan martabat
- iii. Penahanan berpanjangan tanpa pertuduhan
- iv. Menyebabkan kehilangan orang melalui penculikan atau penahanan rahsia orang tersebut.